



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TUN ABDUL RAZAK  
94300 KOTA SAMARAHAN  
Tel: 082 673800 Faksimili: 082 672984

MEMO

**'1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN'**

Kepada	<i>Rujuk Senarai Edaran</i>	Rujukan	<i>IPGKTAR/144/100-21/7 Jld.2 (52)</i>
Daripada	<i>Timbalan Pengarah</i>	Tarikh	<i>15 Ogos 2017</i>
Perkara	<i>Pertandingan Dokumentari Pengisahan Kenegaraan Sempena Program Bulan Kemerdekaan 2017</i>	s.k	<i>1) Bilik Fail</i>

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Sejarah, Jabatan Sains Sosial, IPG Kampus Tun Abdul Razak akan menganjurkan Pertandingan Dokumentari Pengisahan Kenegaraan sebagai salah satu pengisian bagi menjayakan Program Bulan Kemerdekaan 2017 pada ketetapan berikut:

- 2.1 Tarikh : 16 Ogos – 16 September 2017
- 2.2 Tempoh : Satu bulan
- 2.3 Tempat : IPG Kampus Tun Abdul Razak

3. Sehubungan itu, mohon semua kumpulan PISMP Ambilan Jun 2014, Jun 2015 dan Jun 2016 dan PPISMP Ambilan Jun 2017 menghantar penyertaan bagi menjayakan program tersebut. Setiap kumpulan perlu menghantar sekurang-kurangnya dua penyertaan. Bersama ini dilampirkan terma dan syarat pertandingan sebagai rujukan. (*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Cik Roziah Mohamad Ali di Jabatan Sains Sosial*)

4. Kerjasama dan penglibatan semua amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian. Harap maklum.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DR. HJH. RAHMAH BINTI MURSHIDI)**

Timbalan Pengarah

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak,  
Kota Samarahan.

## Senarai Edaran

1. PISMP MZ1614
2. PISMP PM1614
3. PISMP BI1614
4. PISMP PJ1615
5. PISMP BI1615
6. PISMP PI1615
7. PISMP PAKK1615
8. PISMP SN1616
9. PISMP MT1616
10. PISMP BI1616
11. PISMP BI2616
12. PPISMP PJ1617
13. PPISMP PI1617
14. PPISMP PAKK1617

**TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN  
DOKUMENTARI PENGISAHAN KENEGARAAN**

**1.0 Penyertaan**

- 1.1 Pertandingan terbuka kepada semua pelajar sepenuh masa IPG Kampus Tun Abdul Razak.
- 1.2 Setiap penyertaan adalah secara kumpulan (tidak melebihi 3 orang ahli).
- 1.3 Setiap kumpulan PISMP/ PPISMP mesti menghantar sekurang-kurangnya 2 penyertaan.
- 1.4 Peserta mestilah menghantar dokumentari berserta dengan maklumat yang lengkap.

**2.0 Spesifikasi Dokumentari**

- 2.1 Tema : " Membina Negara Bangsa: Sebuah Negara Yang Bersatu Padu, Taat Setia Dan Patriotik". Dokumentari yang dihasilkan hendaklah berlandaskan kisah yang berlatar belakangkan peristiwa atau tokoh penting dalam sejarah Malaysia.
- 2.2 Keaslian : Dokumentari mesti dihasilkan dari idea asal.
- 2.3 Konsep : Bahan mesti berkonsepkan pendidikan dan boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.
- 2.4 Kreativiti : Reka bentuk bahan mestilah menarik, ringkas dan padat.
- 2.5 Tempoh: Dalam lingkungan 15-30 minit

**3.0 Hak Cipta Bahan**

- 3.1 Semua hasil ciptaan dokumentari yang diterima daripada peserta akan menjadi hak milik IPG Kampus Tun Abdul Razak.
- 3.2 Bahan-bahan seperti gambar, klip video atau teks yang diambil daripada mana-mana pihak dalam penghasilan video mestilah dinyatakan dengan jelas.
- 3.3 Pihak IPG Kampus Tun Abdul Razak tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang ciplakan yang menyalahi undang-undang.

**4.0 Pengadilan Pertandingan**

- 4.1 Setiap penyertaan akan dinilai dari segi keaslian, kesesuaian dan kreativiti oleh panel pengadil yang dilantik oleh pihak penganjur.
- 4.2 Pemenang akan diumumkan pada majlis perhimpunan bulanan IPG Kampus Tun Abdul Razak

4.3 Keputusan panel pengadil adalah muktamad. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

## 5.0 Tempoh Pertandingan

5.1 Pertandingan bermula pada 16 Ogos 2017 dan tarikh tutup pertandingan adalah pada 16 September 2017. Peserta boleh menghantar penyertaan kepada Jabatan Sains Sosial mulai dari sekarang.

## 6.0 Hadiah Pertandingan

6.1 Tempat Pertama : Hadiah bernilai RM 250.00 berserta sijil penyertaan

6.2 Tempat Kedua : Hadiah bernilai RM 150.00 berserta sijil penyertaan

6.3 Tempat Ketiga : Hadiah bernilai RM 100.00 berserta sijil penyertaan

6.4 Sagu Hati : Hadiah bernilai RM 50.00 berserta sijil penyertaan